

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 2 MAC 2021
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 4

Kerajaan tubuh Majlis Pekerjaan Negara

PUTRAJAYA – Kerajaan telah menubuhkan Majlis Pekerjaan Negara (MPN) bagi mengatasi masalah pemberhentian kerja dan pengangguran.

MPN ialah badan tertinggi dalam penetapan dasar, strategi dan pemantauan pelaksanaan inisiatif berkaitan penciptaan pekerjaan.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, MPN menyasarkan sebanyak 500,000 peluang pekerjaan kepada rakyat.

“Untuk tujuan itu, kerajaan menerusi Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) sedang melaksanakan program Penjana Kerjaya 2.0 dan pemerksaan portal MYFutureJobs bagi menggalakkan majikan mengambil dan melatih pekerja-pekerja baharu.

“Melalui MyFutureJobs, terdapat 243,892 tawaran pekerjaan yang masih terbuka untuk pencari kerja di mana 143,320 peluang pekerjaan telah diwujudkan menerusi portal,” kata Muhyiddin.